

Bil. S 94

**AKTA IKHTISAS PEGUAM  
(PENGAL 132)**

**ATURAN-ATURAN IKHTISAS PEGUAM (PELATIHAN), 2000**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 65 dari Akta Ikhtisas Peguam, maka Ketua Hakim, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuatkuasa.**

1. Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Ikhtisas Peguam (Pelatihan), 2000 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2001.

**Tafsiran.**

2. Dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"orang yang berkeelayakan" bermakna orang yang berkeelayakan, sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 3 dari Akta tersebut, yang menjadi seorang yang berkeelayakan pada atau selepas 1 haribulan Januari, 2000.

**Tempoh pelatihan.**

3. (1) Bagi maksud-maksud Aturan-Aturan ini, orang yang berkeelayakan hendaklah, dalam tempoh pelatihannya, dikenali sebagai pelatih. Orang yang dengannya pelatih menjalani tempoh pelatihannya atau mana-mana bahagiannya, hendaklah dikenali sebagai majikan.

(2) Orang yang berkeelayakan hendaklah, sebelum dia diterima sebagai seorang peguambela dan peguamcara di bawah Akta tersebut, menjalani tempoh pelatihan.

(3) Tertakluk kepada aturan 4, tempoh pelatihan adalah 9 bulan.

(4) Tempoh pelatihan hendaklah selesai dalam masa 18 bulan dari tarikh tempoh pelatihan itu bermula.

(5) Orang yang berkeelayakan tidaklah boleh, tanpa kebenaran secara bertulis daripada Ketua Pendaftar, memegang sebarang jawatan atau terlibat dalam

sebarang jenis pekerjaan apa pun, sama ada sepenuh masa ataupun, tidak dalam tempoh pelatihannya, selain dari latihan itu sendiri.

(6) Dengan tidak menghiraukan aturan kecil (5), pelatih boleh menerima ganjaran daripada majikannya.

#### **Perkhidmatan latihan.**

4. (1) Tertakluk kepada aturan-aturan kecil (3), (4), (5) dan (6), pelatih hendaklah menjalani tempoh pelatihannya dengan orang yang berkelayakan yang telah menjalankan amalan dengan giatnya di Negara Brunei Darussalam bagi tempoh keseluruhan yang tidak kurang dari 7 tahun.

Dengan syarat bahawa Ketua Pendaftar boleh, dalam sebarang hal yang tertentu, membenarkan pelatih untuk menjalani tempoh pelatihannya dengan majikan yang telah menjadi orang yang berkelayakan selama kurang dari 7 tahun.

(2) Pelatih boleh menjalani bahagian-bahagian tempoh pelatihannya yang berlainan dengan majikan-majikan yang berlainan.

(3) Ketua Pendaftar boleh mengecualikan orang yang berkelayakan dari mana-mana bahagian pelatihannya, tidak melebihi 6 bulan, atas permohonan yang dibuat kepadanya yang disokong dengan keterangan yang memuaskan bahawa —

- (a) terdapat hal keadaan khas yang membenarkan tempoh pelatihannya itu dipendekkan;
- (b) pemohon telah, selama tempoh yang tidak kurang dari 6 bulan, menjadi pelatih majikan yang telah menjadi barrister-at-law England atau Northern Ireland, seorang ahli Faculty of Advocates di Scotland atau peguambela dan peguamcara di Singapura atau mana-mana bahagian Malaysia, menjalankan amalan dengan giatnya bagi tempoh selama lebih dari 7 tahun;
- (c) pemohon adalah atau telah menjadi peguamcara di England atau Northern Ireland atau Writer of the Signet, law agent atau peguamcara di Scotland; atau
- (d) pemohon telah terlibat selama tidak kurang dari 6 bulan menjalankan amalan sebagai pengamal undang-undang, dengan apa pun namanya dipanggil, di mana-mana bahagian sebarang negara atau wilayah dalam Komanwel.

(4) Orang yang berkelayakan yang telah berkhidmat dengan Jabatan Peguam Negara atau Jabatan Kehakiman bagi tempoh keseluruhan selama 7 tahun hendaklah dikecualikan dari menjalani sebarang tempoh latihan.

(5) Ketua Pendaftar boleh mengecualikan orang yang berkelayakan yang telah berkhidmat dengan Jabatan Peguam Negara atau Jabatan Kehakiman bagi tempoh keseluruhan sekurang-kurangnya 3 tahun dari sebarang tempoh pelatihan yang tidak melebihi dari 6 bulan.

(6) Orang yang berkelayakan yang telah menjalankan amalan dengan giatnya di mana-mana bahagian United Kingdom, Singapura, mana-mana bahagian Malaysia atau di mana-mana bahagian sebarang negara atau wilayah dalam Komanwel selama tidak kurang dari 7 tahun hendaklah dikecualikan dari menjalani sebarang tempoh pelatihan.

**Rayuan.**

5. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi dari sebarang keengganan Ketua Pendaftar untuk memberi sebarang pengecualian di bawah Aturan-Aturan ini.

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Ramadan, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 30 haribulan November, 2000.

DATO SERI PADUKA SIR DENYS ROBERTS  
KETUA HAKIM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.